

# Hubungan antara Persepsi, Sikap dan Pencapaian Bahasa Melayu Murid-murid Cina di Sekolah Kebangsaan Cina Pilihan (*Relationship between Perceptions, Attitudes and Achievements in Malay Language of Chinese Students from Chinese Elementary School*)

Chew Fong Peng<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan

\*Pengarang Koresponden: [fpchew@um.edu.my](mailto:fpchew@um.edu.my)

Accepted: 15 February 2023 | Published: 1 March 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.5>

**Abstrak:** Persepsi dan sikap murid berperanan penting dalam menentukan pencapaian akademik murid-murid terutamanya dalam sekolah rendah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah, persepsi dan sikap murid sekolah rendah terhadap Bahasa Melayu dan hubungannya dengan pencapaian akademik mereka. Murid-murid Tahun 5 dari tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di sekitar daerah Kepong, Kuala Lumpur telah menyertai kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan keselesaan. Seramai 274 orang murid (139 lelaki dan 135 perempuan) telah melengkapkan borang soal selidik. Dapatan menunjukkan bahawa tahap pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah berada pada tahap rendah ( $Min = 49.55$ ,  $SP = 17.57$ ). Namun begitu, persepsi murid sekolah rendah terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu adalah pada tahap sederhana ( $M=2.88$ ,  $SP=0.91$ ) manakala sikap murid sekolah rendah terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi ( $M=3.64$ ,  $SP=0.92$ ). Analisis nilai pekali korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid dengan pencapaian Bahasa Melayu pada  $r=0.148$ ,  $p<.05$ , tetapi tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap murid dengan pencapaian Bahasa Melayu. Hasil analisis ujian-t mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi murid dan sikap murid dengan pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan SJKC di daerah Kepong, Kuala Lumpur ( $p>0.05$ ). Hasil kajian menyokong Teori Persepsi Langsung dan Teori Tingkah Laku Terancang di mana kedua-dua teori ini membuktikan persekitaran pembelajaran murid-murid di SJKC lebih menggunakan Bahasa Cina dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan murid Cina terbiasa dengan penggunaan Bahasa Cina dalam kehidupan. Justeru, murid-murid harus meningkatkan tahap pencapaian Bahasa Melayu dengan mengubah persepsi mereka terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dan mengekalkan sikap positif mereka terhadap Bahasa Melayu.

**Kata kunci:** persepsi murid, sikap murid, pencapaian Bahasa Melayu

**Abstract:** The perception and attitude of pupils play an important role in determining the academic achievement of the students, especially in primary schools. This study aims to identify the level of achievement in the Malay language among primary school pupils, the perception and attitude of primary school pupils towards the Malay language and their relationship with their academic achievement. Year 5 students from three National-type Chinese Schools in the district of Kepong, Kuala Lumpur participated in this study. This study used the convenience

*sampling method. A total of 274 students (139 boys and 135 girls) completed the questionnaire. The findings showed that the level of Malay language achievement among primary school pupils was at a low level (Min = 49.55, SD = 17.57). However, the perception of primary school students towards Malay subjects is moderate (M=2.88, SP=0.91) while primary school students' attitude towards Malay subjects is at a high level (M=3.64, SD=0.92). Pearson correlation coefficient analysis shows that there is a significant relationship between student perception and Malay language achievement at  $r = 0.148$ ,  $p < .05$ , but there is no relationship between student attitude and Malay language achievement. The results of the t-test analysis found that there was no significant difference between the perception and attitude of pupils with the achievement of the Malay language among SJKC in the district of Kepong, Kuala Lumpur ( $p > 0.05$ ). The results support the Theory of Direct Perception and the Theory of Organized Behavior where both theories prove that the learning environment of students at SJKC is more using Chinese in the teaching and learning process and Chinese pupils are accustomed to the use of Chinese in life. Hence, the students should improve the level of achievement of the Malay language by changing their perception of the Malay language and maintaining their positive attitude towards the Malay language.*

**Keywords:** pupils' perception, pupils' attitude, Malay Language achievement

---

## 1. Pengenalan

Sejak kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957, Bahasa Melayu telah menjadi sangat leksifikasi dan digunakan sebagai medium dalam sistem pendidikan prasekolah hingga pendidikan tinggi. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, dikatakan digunakan untuk menyatukan jati diri Malaysia dan perpaduan nasional melalui penggunaan bahasa yang sama (Hisham Musa & Halimah Pondo, 2012). Masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini menyukarkan ketua negara untuk membangunkan negara. Oleh itu, para pemimpin menitikberatkan sistem pendidikan di Malaysia. Pendidikan di kawasan ini telah menjadi salah satu saluran utama bagi kerajaan untuk mencapai perpaduan dan integrasi etnik di Malaysia. Pendidikan Malaysia telah menjadi salah satu sistem sosial yang paling penting untuk pembangunan dan kemajuan negara berbilang etnik seperti Malaysia.

Sistem pendidikan yang dilaksanakan di Malaysia adalah bertujuan untuk memupuk perpaduan rakyat Malaysia bermula dari zaman persekolahan. Kewujudan sekolah vernakular di Malaysia adalah salah satu usaha bagi mencapai tujuan tersebut. Sekolah vernakular adalah sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar atau bagi tujuan penyampaian ilmu. Contohnya, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Antarabangsa ditubuhkan. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama manakala Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar utama manakala Sekolah Antarabangsa menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama. Ketiga-tiga buah sekolah yang ditubuhkan ini mempunyai persamaan iaitu mengajar bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu sebagai langkah untuk menyatupadukan rakyat Malaysia.

Bagi mencapai matlamat tersebut, persepsi dan sikap murid di sekolah vernakular terhadap Bahasa Melayu adalah sangat penting. Oleh itu, sebuah kajian yang bertujuan untuk mengkaji hubungan antara persepsi, sikap dan pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dijalankan oleh pengkaji.

## 2. Ulasan Kajian Lepas

Persepsi murid terhadap sesuatu pembelajaran adalah penting kerana persepsi akan menyebabkan pelajar tidak minat dalam mata pelajaran tersebut. Beberapa kajian lepas telah menunjukkan murid-murid akan berminat dalam pembelajaran sekiranya persepsi mereka adalah positif (Nur Aisyah Mohamand Noor, Zamri Mahamod, Afendi Hamat & Mohamed Amin Embi, 2012; Woon Yoke Lan, 2015; Nursyaidah & Fitri Rayani Siregar, 2019; Azlina binti Mazlan & Nik Ahmad Faris bin Nik Abdullah, 2021; Tan Hua An & Tan Tiam Lai, 2021). Nur Aisyah Mohamand Noor et.al (2012) dan Woon Yoke Lan (2015) menjelaskan persepsi pelajar adalah saling berhubung kait dengan minat dan motivasi para pelajar dalam pembelajaran. Nur Aisyah Mohamand Noor et.al (2012) mengkaji persepsi murid dalam genre novel dari aspek KOMSAS. Woon Yoke Lan (2015) pula mengkaji persepsi murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Persepsi pelajar menjadi faktor penting yang menentukan sikap pelajar terhadap sesuatu pembelajaran (Nursyaidah & Fitri Rayani Siregar, 2019; Azlina binti Mazlan & Nik Ahmad Faris bin Nik Abdullah, 2021). Nursyaidah dan Fitri Rayani Siregar (2019) menjalankan kajian ke atas pelajar universiti dalam pembelajaran Bahasa Indonesia manakala Azlina binti Mazlan dan Nik Ahmad Faris bin Nik Abdullah (2021) menjalankan kajian ke atas pelajar matrikulasi dalam subjek Fizik.

Sikap murid terhadap sesuatu pembelajaran adalah penting kerana sikap yang menentukan mereka mempunyai kesedaran untuk memperbaiki penguasaan sesuatu pembelajaran atau tidak. Kajian-kajian lepas menunjukkan sikap murid terhadap sesuatu pembelajaran yang positif akan menyebabkan mereka mempunyai keinginan untuk belajar dengan bersungguh-sungguh (Thang Siew Ming, Ting Siew Ling & Nurjanah Mohd Jaafar, 2011; Jerie Anak Peter Langan & Zamri Mahamod, 2011; Ainun Rahmah Ibrahim, Zamri Mahamod & Wan

Muna Ruzanna Wan Mohamad, 2017; Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, 2017; Indrya Mulyaningsih, 2017; Mohd Uzir bin Zubir, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'ri, 2018; Kaviza, 2019; Siti Zahidah Salleh & Abdul Sukor Shaari, 2019; Chew Fong Peng & Siti Syahirah Yusof, 2021).

Thang Siew Ming et. al (2011) dan Indrya Mulyaningsih (2017) mendapati bahawa murid-murid tetap akan belajar bahasa Inggeris walaupun mereka merasakan pembelajaran Bahasa Inggeris adalah sukar dan tertekan. Murid-murid tetap mempunyai keinginan untuk memperbaiki Bahasa Inggeris apabila mereka meninggalkan sekolah. Menurut Kaviza (2019), sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah dalam kalangan tingkatan satu berada pada tahap yang tinggi kerana pelajar merasakan subjek Sejarah sangat berguna kepada mereka kerana topik-topik sejarah yang dipelajari mempunyai kaitan dengan konteks kehidupan seharian yang dapat membentuk identiti kebangsaan mereka. Kajian-kajian lepas mengkaji pembelajaran Bahasa Melayu dengan adanya pedagogi yang digunakan oleh guru sekolah (Ainun Rahmah Ibrahim et. al, 2017; Chew Fong Peng dan Siti Syahirah Yusof, 2021). Didapati pedagogi yang digunakan seperti kemahiran abad ke-21 dan penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah berkesan dan sesuai sehinggakan membantu dalam meningkatkan minat pelajar terhadap bahasa Melayu.

Pencapaian akademik murid-murid bergantung kepada persepsi mereka terhadap sesuatu pembelajaran. Kajian-kajian lepas telah menjelaskan bahawa persepsi pelajar terhadap pembelajaran akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka (Evi, 2016; Masyitah, 2017; Ahmet, Sinan dan Muhammet, 2020). Persepsi pelajar terhadap proses pembelajaran merujuk kepada proses di mana pelajar menerima, bertindak balas, mengatur dan menjelaskan proses pembelajaran yang diterima oleh lima deria mereka (Evi, 2016). Evi (2016) menjelaskan bahawa persepsi terhadap proses pembelajaran adalah salah satu faktor yang mempengaruhi

hasil pembelajaran seseorang pelajar. Persepsi pelajar terhadap mata pelajaran bahasa juga dilihat mempunyai hubungan dengan tahap penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar (Masyitah,2017).

Selain itu, pencapaian akademik murid-murid juga bergantung kepada sikap mereka terhadap sesuatu pembelajaran. Kajian-kajian lepas telah menjelaskan bahawa sikap pelajar terhadap pembelajaran akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka (Zulzana binti Zulkarnain, Mohamed bin Saim & Roslina bin Abd Talib,2011; Siti Hasmiza Hassa & Siti Fatimah Md Azali ,2018; Muhamad Shafiq bin Mohd Razali & Noraini binti Abdol Raop, 2018; Ahmed, Sinan & Muhammet,2020). Kajian Siti Hasmiza Hassa dan Siti Fatimah Md Azali (2018) dan Muhamad Shafiq bin Mohd Razali dan Noraini binti Abdol Raop (2018) menunjukkan terdapat hubungan antara sikap pelajar dengan pencapaian akademik mereka, tetapi hubungan tersebut adalah bersifat negatif dan lemah di mana hubungan tersebut adalah tidak nyata. Sebaliknya kajian Zulzana binti Zulkarnain et.al (2011), Ahmed, Sinan dan Muhammet (2020) pula memaparkan terdapat hubungan positif yang sederhana antara sikap pelajar dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian-kajian lepas banyak menjalankan kajian tentang hubungan antara sikap dengan pencapaian akademik pelajar di peringkat kolej dan politeknik atau di peringkat yang lebih tinggi.

Seterusnya, murid lelaki dan murid perempuan mempunyai persepsi dan sikap yang hampir sama dalam mempelajari bahasa Melayu (Mahad, Magesvaran, & Hamzah, 2021; Syazwan Mohd Sanosi dan Zamri Mahamod, 2021). Menurut Zulkifley Hamid et.al (2010), tidak ada perbezaan yang signifikan dengan persepsi dan sikap belajar Bahasa Melayu mengikut jantina kerana murid lelaki dan murid perempuan mempunyai peluang belajar, maklumat dan kemudahan yang sama untuk belajar. Mahad et.al (2021) pula menjelaskan murid lelaki dan perempuan turut mempunyai sikap positif untuk mempelajari Bahasa Melayu secara dalam talian sepanjang tempoh PKP. Syazwan Mohd Sanosi dan Zamri Mahamod (2021) turut mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dengan persepsi murid terhadap penggunaan Jejari Penanda Wacana (JPW) dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu sekolah rendah mengikut jantina murid. Tambahan pula, penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik ini sejajar dengan Rodriguez (2003) dan Epstein, Elwood, Jey dan Maw (1998). Mereka percaya bahawa ketidakseimbangan prestasi antara pelajar lelaki dan perempuan adalah fenomena biasa.

Beberapa penyelidik Malaysia seperti Mohd Jelas, Rahman, Baki dan Ahmad (2015), Ahmad, Mohd Jelas dan Mohd Ali (2011), Mohd Jelas, Salleh, Azman, Jani, Hamzah, Mahmud, Ab Hamid, Hamzah dan Zulnaidi (2014) telah menjalankan kajian ke atas masalah ketidakseimbangan ini. Hasil penyelidikan Mohd Jelas, Mohd Yunus, Mohd Dahan dan Redzuan (2001), Awang-Hashim, Hashim, Yaakub, Othman dan Mohd Ali (2004), Wang & Holcombe (2010), Lam et al. (2012) didapati bahawa pelajar perempuan mempunyai prestasi akademik yang lebih baik daripada pelajar lelaki. Setiap orang mempunyai tahap pencapaian akademik yang berbeza. Perbezaan ini disebabkan oleh pelbagai faktor yang mempengaruhinya (Shafiq dan Noraini,2018). Kajian-kajian lepas telah banyak menjalankan kajian tentang perbezaan persepsi dan sikap murid dalam mempelajari Bahasa Melayu di sekolah rendah. Oleh hal yang demikian, pengkaji menjalankan kajian yang lebih kurang sama, tetapi berfokuskan perbezaan persepsi dan sikap murid Cina dalam mempelajari Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina pilihan bagi memperkukuh hasil dapatan kajian-kajian lepas.

Teori persepsi langsung menyatakan bahawa tanggapan seseorang akan dibentuk melalui penerimaan informasi secara langsung dari persekitarannya. Teori persepsi langsung ini

menunjukkan bahawa maklumat dalam rangsangan adalah elemen penting dalam persepsi, dan pembelajaran dan kognisi tidak penting dalam persepsi, kerana persekitaran sudah mengandungi maklumat yang mencukupi untuk interpretasi. Pendukung utama teori ini ialah James Gibson dan pelajarnya. Beliau berkata: "Persepsi langsung menganggap bahawa kepelbagaian lapisan optik sama kaya dengan kepelbagaian dunia ini." Idea ini disokong oleh ahli psikologi dalam ekologi, yang percaya bahawa rangsangan itu sendiri mempunyai maklumat yang cukup untuk menghasilkan persepsi yang tepat dan tidak memerlukan perwakilan dalaman. Seseorang tidak perlu menghabiskan banyak usaha dalam proses persepsi, kerana dunia ini telah memberikan terlalu banyak maklumat. Jadi seseorang tidak perlu berusaha membentuk persepsi atau membuat kesimpulan terhadap sesuatu objek atau fenomena.

Selain itu, Teori Persepsi Langsung menyatakan bahawa persepsi seseorang terbentuk daripada penerimaan maklumat secara langsung daripada persekitarannya. Persepsi langsung adalah penting untuk pemahaman kita persepsi atas dua sebab iaitu, ia menekankan kepentingan rangsangan deria yang menunjukkan bahawa pemprosesan rangsangan berlaku dengan mudah dan langsung, dan sebabnya bahawa kognitif dan persepsi adalah fenomena semulajadi. Kelebihan Teori Persepsi Langsung ini adalah memudahkan tenaga pengajar mengawal pembelajaran kerana murid itu tidak menyedari bahawa dia dikawal oleh rangsangan yang datang dari luar dia. Namun begitu, kelemahan teori ini adalah teori ini menganggap bahawa pembelajaran hanya berlaku secara automatik iaitu murid akan segera bertindak balas apabila murid diberi rangsangan. Keaktifan murid dan kecenderungan peribadi murid diabaikan dalam teori ini.

Responden dalam kajian ini adalah murid Cina dan bukan penutur jati Bahasa Melayu. Teori Persepsi Langsung ini sesuai diaplikasikan dalam kajian ini kerana matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu yang kemungkinan mempengaruhi pencapaian akademik mereka dalam Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana persekitaran pembelajaran mereka lebih menggunakan Bahasa Cina dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan murid Cina terbiasa dengan penggunaan Bahasa Cina dalam kehidupan.


Untuk memahami sikap pelajar Cina terhadap mata pelajaran bahasa Melayu terhadap prestasi akademik pelajar, model pemecahan teori tingkah laku terancang oleh Taylor & Todd (1995) telah digunakan dan diubah suai untuk menyesuaikan dengan situasi penyelidikan ini. Model ini adalah pemecahan daripada Teori Tingkah Laku Terancang yang dikembangkan oleh Ajzen (1991). Teori ini mengandaikan bahawa seseorang individu mengetahui maksud sesuatu tindakan sebelum memutuskan untuk mengambil bahagian atau tidak dalam sesuatu tindakan. Oleh itu, setiap tindakan individu adalah beralasan, dirancang dan berada dalam keadaan sedar. Matlamat utama teori ini adalah untuk meramalkan dan memahami tingkah laku individu. Untuk ini, perlu menentukan apa yang menentukan tingkah laku. Oleh kerana tingkah laku individu dikawal oleh kehendak, sikap dianggap sebagai faktor utama yang menentukan pelaksanaan tingkah laku. Teori Tingkah Laku Terancang ini sesuai digunakan dalam kajian ini kerana matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti sikap murid yang mempunyai kaitan rapat terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

Walaupun banyak kajian berkaitan persepsi dan sikap pelajar yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dan hubungan antara persepsi pelajar dan sikap pelajar dengan pencapaian akademik mereka telah dibuat, namun kajian berkaitan persepsi dan sikap murid Cina terhadap Bahasa Melayu yang mempengaruhi pencapaian akademik Bahasa Melayu mereka belum



dikaji secara meluas. Oleh itu, kajian ini amat perlu dilakukan untuk mengkaji hubungan antara persepsi dan sikap murid Cina terhadap Bahasa Melayu dengan pencapaian Bahasa Melayu mereka.

**Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian**



Antara soalan kajian ini adalah seperti berikut;

- 1) Apakah tahap pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina pilihan?
- 2) Apakah persepsi murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu?
- 3) Apakah sikap murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu?
- 4) Adakah wujud hubungan persepsi dan sikap murid Cina terhadap mata pelajaran bahasa Melayu dengan pencapaian Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina pilihan?
- 5) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi dan sikap murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu mengikut jantina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina pilihan?

Empat hipotesis nul kajian telah dibentuk bagi jangkaan dapatan hasil kajian seperti berikut;

Ho 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid dengan tahap pencapaian Bahasa Melayu.

Ho 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap murid dengan tahap pencapaian Bahasa Melayu.

Ho 3: Tidak terdapat perbezaan antara persepsi murid Cina mengikut jantina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah.

Ho 4: Tidak terdapat perbezaan antara sikap murid Cina mengikut jantina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah.

### 3. Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk kajian bukan eksperimen dalam kajian korelasi. Oleh itu, pengkaji menggunakan reka bentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan data. Pengkaji akan mengedarkan borang soal selidik kepada responden kajian. Populasi sasaran adalah murid tahun 5 dari tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang mewakili satu daerah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Seramai 274 orang murid telah dipilih sebagai responden yang terdiri daripada 139 orang lelaki dan 135 orang perempuan.

Persampelan dipilih secara keselesaan dengan bantuan guru sekolah dan penentuan jumlah sampel ini adalah merujuk daripada Krejcie dan Morgan (1970).

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah set soal selidik Woon Yoke Lan (2015), Mohd Uzir, Rohaidah dan Sharil (2018) yang telah diubahsuai dari persepsi murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu serta Thang Siew Ming, Ting Siew Ling dan Nurjanah Mohd Jaafar (2011) yang telah diubahsuai dari sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu mengikut kesesuaian kajian. Soalan selidik yang diedarkan ini berkaitan persepsi dan sikap murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu digunakan untuk mengumpul data.

Pengkaji menjalankan kajian rintis ke atas 50 orang responden di sebuah sekolah yang berlainan di daerah Kepong. Seramai 25 orang responden murid lelaki dan 25 orang responden murid perempuan dipilih dalam kajian rintis. Responden yang dipilih ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan responden sebenar kajian. Hasil daripada ujian rintis diperlukan oleh pengkaji untuk melihat sama ada responden memahami soalan dalam soal selidik atau tidak dan mereka mampu membaca setiap soalan dengan jelas dan tanpa kekeliruan dan mempunyai masa yang cukup untuk menjawab soalan.

Selepas menjalankan kajian rintis, instrumen kajian ini sesuai untuk penyelidikan sebenar. Nilai Cronbach's Alpha daripada keputusan analisis SPSS versi 26.0 telah digunakan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan instrumen penyelidikan. Jika nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.6, soalan-soalan dalam borang kaji selidik dianggap mempunyai tahap kebolehpercayaan yang cukup untuk meneruskan pengumpulan data terhadap seluruh sampel (Wan, Ruhaya & Affendy, 2020). Selepas menjalankan kajian rintis, nilai Cronbach's Alpha instrumen kajian ini adalah sebanyak 0.806 yang bererti mempunyai kebolehpercayaan yang baik dan boleh diterima. Oleh itu, instrumen kajian ini boleh digunakan untuk kajian sebenar.

#### 4. Dapatan Kajian

Kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS), versi 26.0. Data yang dikumpul dan diperolehi akan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Data juga dianalisis dengan korelasi untuk mencari hubungan antara pemboleh ubah kajian dan analisis ujian-t juga digunakan. Segala hasil dapatan yang diperolehi dipersembahkan dalam cara penjadualan. Hasil dapatan kajian yang dikemukakan turut menjawab soalan kajian kelima, iaitu mengenai tahap pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina, persepsi murid, sikap murid, hubungan persepsi dan sikap murid Cina dan perbezaan antara persepsi dan sikap Cina mengikut jantina.

#### Demografi Responden

Jadual 1: Demografi Responden

		Kekerapan	Peratusan
Nama Sekolah	SJKC A	91	33.2
	SJKC B	90	32.8
	SJKC C	93	33.9
Jantina	Lelaki	139	50.7
	Perempuan	135	49.3

Agama			
	Buddha	248	90.5
	Lain-lain	26	9.5

Dapatan menunjukkan, bilangan murid dari ketiga-tiga sekolah adalah hampir sama iaitu SJKC Kepong A (n=91, 33.2%), SJKC Kepong B (n=90, 32.8%) dan SJKC Kepong C (n=93, 33.9%). Hal ini tidak dapat dielakkan memandangkan jumlah murid Tahun 5 di sekolah pilihan adalah hampir sama. Murid lelaki dalam kajian ini adalah sebanyak 139 orang (50.7%) manakala murid perempuan pula adalah sebanyak 135 orang (49.3%). Majoriti responden kajian ini terdiri daripada penganut agama Buddha (n=248, 90.5%) dan hanya sebilangan kecil beragama lain-lain (n=26, 9.5%) yang merujuk kepada agama Kristian.

### Skor Purata dan Interpretasi Min

Pengkaji menggunakan skor purata min berikut untuk menganalisis statistik deskriptif, iaitu soalan kajian 2 dan 3.

**Jadual 3: Skor Purata dan Interpretasi Min (Chew Fong Peng dan Sivabalan Tanggayah, 2019)**

Skor Purata Min	Tafsiran
1.00 – 1.89	Sangat Rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat Tinggi

(Sumber: Chew Fong Peng dan Sivabalan Tanggayah, 2019)

### Hasil Kajian

#### Soalan Kajian 1: Apakah tahap pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina pilihan?

**Jadual 4: Tahap Pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina pilihan**

Julat Skor Markah	Kekerapan	Peratusan	Interpretasi
75– 100	22	8.03	Tinggi
50–74	112	40.88	Sederhana
0- 49	140	51.09	Rendah
Jumlah	274	100	



Jumlah murid mendapat markah antara 0 hingga 49 markah dalam ujian Bahasa Melayu adalah seramai 140 orang (51.09) berada pada tahap pencapaian rendah, manakala murid yang mendapat markah antara 50 hingga 74 markah adalah seramai 112 orang (40.88%) berada pada tahap pencapaian sederhana. Seramai 22 orang murid mendapat markah antara 75 hingga 100 markah (8.03%) berada pada tahap pencapaian tinggi. Dapatan daripada jadual ini juga menunjukkan bahawa min keseluruhan markah ujian Bahasa Melayu berada pada tahap pencapaian rendah (Min = 49.55, SP = 17.57) mengikut tafsiran Mohd Hazli Yah dan Maimun Aqsha (2018).

## Soalan Kajian 2: Apakah persepsi murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu?

**Jadual 5: Persepsi Murid Cina terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu**

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
1. Bahasa Melayu adalah mata pelajaran yang menarik.	8 (2.9)	124 (45.3)	7 (2.6)	117 (42.7)	18 (6.6)	3.05	1.12
2. Penguasaan Bahasa Melayu adalah sangat penting.	7 (2.6)	104 (38.0)	17 (6.2)	113 (41.2)	33 (12.0)	3.22	1.15
3. Saya berusaha dengan gigih untuk mendapat pencapaian yang Cemerlang dalam bahasa Melayu.	2 (0.7)	22 (8.0)	7 (2.6)	203 (74.1)	40 (14.6)	3.94	0.75
4. Saya menyiapkan kerja rumah dan tugas yang diberi.	5 (1.8)	29 (10.6)	5 (1.8)	203 (74.1)	32 (11.7)	3.83	0.83
5. Mata pelajaran Bahasa Melayu Memberi kesan dalam kehidupan saya.	24 (8.8)	33 (12.0)	18 (6.6)	140 (51.1)	59 (21.5)	3.65	1.20
6. Mata pelajaran Bahasa Melayu penting dalam prospek kerjaya masa depan saya.	6 (2.2)	98 (35.8)	7 (2.6)	139 (50.7)	24 (8.8)	3.28	1.11
**7. Saya tidak akan gugurkan subjek bahasa Melayu jika dibenarkan oleh pihak sekolah.	1 (0.4)	3 (1.1)	21 (7.7)	150 (54.7)	99 (36.1)	4.25	0.68
8. Saya suka belajar Bahasa Melayu.	96 (35.0)	141 (51.5)	21 (7.7)	10 (3.6)	6 (2.2)	1.87	0.87
9. Saya suka membaca buku-buku ilmiah bahasa Melayu.	84 (30.7)	139 (50.7)	20 (7.3)	15 (5.5)	16 (5.8)	2.05	1.06
10. Saya suka membaca buku-buku cerita dan novel bahasa Melayu.	92 (33.6)	152 (55.5)	23 (8.4)	6 (-2.2)	1 (0.4)	1.8	0.71
11. Saya minat belajar bahasa Melayu kerana bahasa Melayu ialah bahasa ilmu.	80 (29.2)	155 (56.6)	34 (12.4)	4 (-1.5)	1 (0.4)	1.87	0.7
12. Saya menonton filem atau drama dalam bahasa Melayu.	96 (35)	151 (55.1)	24 (8.8)	2 (-0.7)	1 (0.4)	1.76	0.67
<b>Keseluruhan</b>						<b>2.88</b>	<b>0.91</b>

Nota: \*\* Item yang telah dikod semula

Dapatan kajian menunjukkan item yang mempunyai kedudukan yang tertinggi adalah pada item ke-7 (M=4.25, SP=0.68), iaitu ‘Saya tidak akan gugurkan subjek bahasa Melayu jika dibenarkan oleh pihak sekolah.’ menunjukkan 249 (90.8%) responden bersetuju, 21 (7.7%) orang responden yang tidak pasti dan 4 (1.5%) tidak setuju dengan pernyataan ini.

Item yang kedudukan kedua tinggi adalah pada item ke-3 (M=3.94, SP=0.75), iaitu ‘Saya berusaha dengan gigih untuk mendapat pencapaian yang cemerlang dalam bahasa Melayu.’

menunjukkan 243 (88.7%) responden bersetuju, 7 (2.6%) orang responden yang tidak pasti dan 24 (8.7%) tidak setuju dengan pernyataan ini. Manakala bagi item yang kedudukan ketiga tinggi adalah pada item ke-4 ( $M=3.83$ ,  $SP=0.83$ ), iaitu ‘Saya menyiapkan kerja rumah dan tugas yang diberi.’ menunjukkan 235 (85.8%) responden bersetuju, 5 (1.8%) orang responden yang tidak pasti dan 34 (12.4%) tidak setuju dengan pernyataan ini.

Sebaliknya item yang menunjukkan kedudukan min terendah ialah item ke-12, iaitu ‘Saya suka menonton filem atau drama dalam bahasa Melayu.’ ( $M=1.76$ ,  $SP=0.67$ ). Seramai 3 (1.1%) responden setuju, 24 responden (8.8%) tidak pasti dan 247 responden (90.1%) tidak setuju dengan pernyataan ini.

Secara kesimpulannya, persepsi murid Cina terhadap mata pelajaran bahasa Melayu berada pada tahap sederhana ( $M=2.88$ ,  $SP=0.91$ ).

### Soalan Kajian 3: Apakah sikap murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu?

**Jadual 6: Sikap Murid Cina terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu**

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
1. Mata pelajaran bahasa Melayu adalah bahagian penting dalam silibus sekolah.	3	17	5	212	37	3.96	0.71
	-1.1	-6.2	-1.8	-77.4	-13.5		
2. Saya berhasrat untuk belajar bahasa Melayu dengan baik.	5	15	5	192	57	4.03	0.78
	-1.8	-5.5	-1.8	-70.1	-20.8		
3. Saya merancang untuk belajar bahasa Melayu sebanyak mungkin.	3	17	12	205	37	3.93	0.72
	-1.1	-6.2	-4.4	-74.8	-13.5		
4. Pembelajaran bahasa Melayu sangat bermanfaat.	3	23	22	140	86	4.03	0.91
	-1.1	-8.4	-8	-51.1	-31.4		
5. Saya meletakkan banyak usaha dalam pembelajaran bahasa Melayu.	4	84	64	81	41	3.26	1.09
	-1.5	-30.7	-23.4	-29.6	-15		
6. Saya benar-benar menikmati pembelajaran bahasa Melayu.	9	24	19	188	34	3.78	0.89
	-3.3	-8.8	-6.9	-68.6	-12.4		
7. Saya mendapati pembelajaran bahasa Melayu sangat menarik.	13	129	2	111	19	2.98	1.16
	-4.7	-47.1	-0.7	-40.5	-6.9		
8. Saya berseronok dalam kelas bahasa Melayu.	13	183	18	46	14	2.51	1
9. Saya akan membaca akhbar dan majalah bahasa Melayu sekerap yang saya boleh.	46	162	18	34	14	2.3	1.05
	-16.8	-59.1	-6.6	-12.4	-5.1		
10. Saya akan menyelesaikannya dengan serta-merta apabila mendapat latihan bahasa Melayu.	3	20	19	197	35	3.88	0.76

	-1.1	-7.3	-6.9	-71.9	-12.8		
11. Saya lebih suka membaca bahan-bahan dalam bahasa lain berbanding bahasa Melayu	30	198	13	20	13	2.23	0.91
	-10.9	-72.3	-4.7	-7.3	-4.7		
12. Adalah sukar untuk belajar bahasa Melayu.	0	17	16	174	67	4.06	0.74
		-6.2	-5.8	-63.5	-24.5		
13. Saya berasa tertekan dalam pembelajaran bahasa Melayu.	0	17	4	186	67	4.11	0.71
		-6.2	-1.5	-67.9	-24.5		
14. Saya mendapati latihan bahasa Melayu adalah sukar.	0	16	6	163	89	4.19	0.74
		-5.8	-2.2	-59.5	-32.5		
15. Saya memaksa diri untuk mendengar daripada guru dalam kelas bahasa Melayu.	25	13	11	143	82	3.89	1.16
	-9.1	-4.7	-4	-52.2	-29.9		
16. Saya menjadi bosan sepenuhnya semasa kelas bahasa Melayu.	14	14	15	149	82	3.99	1.01
	-5.1	-5.1	-5.5	-54.4	-29.9		
17. Saya berasa pembelajaran bahasa Melayu adalah membosankan.	7	21	15	149	82	4.01	0.95
	-2.6	-7.7	-5.5	-54.4	-29.9		
**18. Apabila saya meninggalkan sekolah rendah nanti, saya tidak akan melupakan dan menggugurkan bahasa Melayu sepenuhnya kerana saya berminat terhadapnya.	5	14	18	200	37	3.91	0.75
	-1.8	-5.1	-6.6	-73	-13.5		
19. Saya pernah berfikir untuk memperbaiki bahasa Melayu saya.	1	17	22	173	61	4	0.77
	-0.4	-6.2	-8	-63.1	-22.3		
**20. Pembelajaran bahasa Melayu adalah tidak membazirkan masa.	4	71	0	0	159	3.73	1.51
	-16.1	-25.9			-58		
<b>Keseluruhan</b>						<b>3.64</b>	<b>0.92</b>

Dapatan kajian menunjukkan item yang mempunyai kedudukan yang tertinggi adalah pada item ke-14 ( $M=4.19$ ,  $SP=0.74$ ), iaitu ‘Saya mendapati latihan bahasa Melayu adalah sukar’ menunjukkan 252 (92%) responden bersetuju, 6 (2.2%) orang responden yang tidak pasti dan 16 (5.8%) tidak setuju dengan pernyataan ini.

Item yang kedudukan kedua tinggi adalah pada item ke-13 ( $M=4.11$ ,  $SP=0.71$ ), iaitu ‘Saya berasa tertekan dalam pembelajaran bahasa Melayu’ menunjukkan 253 (92.4%) responden bersetuju, 4 (1.5%) orang responden yang tidak pasti dan 17 (6.2%) tidak setuju dengan pernyataan ini. Manakala bagi item yang kedudukan ketiga tinggi adalah pada item ke-12 ( $M=4.06$ ,  $SP=0.74$ ), iaitu ‘Adalah sukar untuk belajar bahasa Melayu’ menunjukkan 241 (88%) responden bersetuju, 16 (5.8%) orang responden yang tidak pasti dan 17 (6.2%) tidak setuju dengan pernyataan ini.

Sebaliknya item yang menunjukkan kedudukan min terendah ialah item k-11, iaitu ‘Saya lebih suka membaca bahan-bahan dalam bahasa lain berbanding bahasa Melayu.’ telah mencatatkan (M=2.23, SP=0.91). Seramai 33 (12%) responden setuju, 13 responden (4.7%) tidak pasti dan 228 responden (83.2%) tidak setuju dengan pernyataan ini.

Secara kesimpulannya, sikap murid Cina terhadap mata pelajaran bahasa Melayu berada pada tahap tinggi (M=3.64, SP=0.92) mengikut tafsiran daripada Chew Fong Peng dan Sivabalan Tanggayah (2019).

#### Soalan Kajian 4: Adakah wujud hubungan persepsi dan sikap murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dengan pencapaian bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina pilihan?

**Jadual 7: Analisis Korelasi di antara Persepsi Murid dan Sikap Murid dengan Tahap Pencapaian**

(n=274)	Markah	Persepsi Murid	Sikap Murid
Markah	Korelasi Pearson	0.148	0.106
	Signifikan (2-tailed)	0.014*	0.080
Persepsi Murid	Korelasi Pearson		0.058
	Signifikan (2-tailed)		0.340
Sikap Murid	Korelasi Pearson		
	Signifikan (2-tailed)		

\*p<0.05

Hasil kajian mendapati nilai pekali korelasi, r bagi faktor persepsi murid dengan markah pencapaian mereka adalah bersamaan dengan 0.148, sekali gus menunjukkan nilai korelasi rendah dan mempunyai hubungan yang signifikan. Ini bermakna apabila persepsi murid meningkat, pencapaian bahasa Melayu mereka akan meningkat sedikit. Memandangkan nilai  $p = 0.014$  dan lebih kecil daripada 0.05, maka hipotesis nul 1 ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid dan pencapaian bahasa Melayu.

Dilihat daripada nilai korelasi antara sikap murid dan pencapaian mereka, didapati nilai pekali korelasi, r bagi sikap murid dengan markah pencapaian mereka adalah bersamaan dengan 0.106 dengan nilai p yang lebih besar daripada 0.05. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap murid dan pencapaian bahasa Melayu. Dengan erti kata lain, apabila sikap murid meningkat, pencapaian bahasa Melayu mereka tidak akan meningkat. Maka hipotesis nul 2 diterima.

Berdasarkan analisis korelasi yang mengkaji hubungan kekuatan antara pemboleh ubah, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi dengan

pencapaian bahasa Melayu, tetapi tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pencapaian bahasa Melayu mereka.

**Soalan Kajian 5: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi dan sikap murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu mengikut jantina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina pilihan?**

**Jadual 8: Ujian-t Bagi Perbezaan antara Persepsi Murid Cina Mengikut Jantina terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu**

Jantina	N	Min	SP	Nilai t	df	p
Lelaki	139	2.90	0.34	0.84	272	0.40
Perempuan	135	2.86	0.34			

$p < .05$

**Jadual 9: Ujian-t bagi Perbezaan antara Sikap Murid Cina Mengikut Jantina terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu**

Jantina	N	Min	SP	Nilai t	df	p
Lelaki	139	3.65	0.32	0.41	272	0.682
Perempuan	135	3.63	0.28			

Ujian-t dalam Jadual 8 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu mengikut jantina antara murid lelaki (M=2.90, SP=0.34) dengan murid perempuan (M=2.86, SP=0.34),  $t(272) = .40$ ,  $p > .05$ . Nilai min antara murid lelaki dan murid perempuan menunjukkan persepsi mereka adalah tidak jauh berbeza. Walau bagaimanapun, persepsi dan sikap terhadap Bahasa Melayu murid lelaki mengatasi murid perempuan dengan perbezaan yang tidak begitu ketara.

Jadual 9 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap murid Cina terhadap mata pelajaran bahasa Melayu mengikut jantina antara murid lelaki (M=3.65, SP=0.32) dengan murid perempuan (M=3.63, SP=0.28),  $t(272) = .682$ ,  $p > .05$ . Nilai min antara murid lelaki dan murid perempuan menunjukkan sikap mereka tidak jauh berbeza.

Keadaan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan daripada aspek jantina murid kepada persepsi dan sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini memberi petunjuk positif dalam pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu ini tidak didominasi oleh sesuatu jantina murid sahaja. Maka hipotesis nul 3 dan 4 yang berbunyi ‘Tidak terdapat perbezaan persepsi murid Cina mengikut jantina terhadap mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah.’ dan ‘Tidak terdapat perbezaan sikap murid Cina mengikut jantina terhadap mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah.’ diterima.



## 5. Perbincangan Hasil Kajian

Kajian ini mengenal pasti tahap pencapaian Bahasa Melayu, persepsi murid Cina terhadap Bahasa Melayu dan sikap murid Cina terhadap Bahasa Melayu dalam kalangan murid yang berumur 11 tahun Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di daerah Kepong, Kuala Lumpur. Secara keseluruhannya, tahap pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berada pada tahap rendah ( $M=49.55$ ,  $SP=17.57$ ). Ini bermakna tahap pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sangat membimbangkan dan pihak berkenaan perlu mengambil inisiatif untuk meningkatkan tahap pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina.

Kajian ini menunjukkan tahap pencapaian Bahasa Melayu murid Cina berada pada tahap rendah kerana 97 (35.40%) orang murid mendapat gred 'E' dalam Ujian Pentaksiran Bilik Darjah dan hanya 7 (2.55%) orang murid mendapat gred 'A' dalam Ujian Pentaksiran Bilik Darjah. Senario ini menjelaskan jurang pencapaian yang besar dalam kalangan murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Selain itu, kajian menunjukkan murid Cina mengatakan pembelajaran Bahasa Melayu dan latihan Bahasa Melayu adalah sukar. Hasil ini telah menjelaskan bahawa murid Cina mendapati Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang susah untuk dipelajari. Masalah yang dihadapi oleh murid Cina ini berkemungkinan berpunca daripada pedagogi guru yang kurang berkesan dan kurang menarik serta tidak berpusatkan murid. Oleh itu, guru Bahasa Melayu harus mempelbagaikan cara pengajaran mereka dengan menjadikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) lebih menarik. Murid Cina akan tercicir dalam pelajaran Bahasa Melayu sekiranya masalah ini tidak diatasi secepat mungkin.

Kajian Zamri, Kamariah dan Wan Muna (2016) turut menyokong cadangan pengkaji ini kerana para guru disarankan supaya memperkemas pedagogi di dalam kelas dengan memberi tumpuan yang lebih kepada murid Cina terutamanya murid Cina yang lemah dalam penguasaan Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini diperkukuhkan dalam kajian Chew Fong Peng (2016) yang menunjukkan murid-murid Cina kurang membaca buku atau bahasa dalam Bahasa Melayu. Hal ini demikian dijelaskan dengan kebanyakan buku simpanan murid Cina di rumah adalah buku-buku Cina. Hasil kajian Chew Fong Peng (2016) ini adalah selaras dengan hasil kajian ini yang memaparkan murid Cina tidak suka dan tidak akan memilih untuk membaca bahan bacaan dalam Bahasa Melayu pada waktu lapang mereka. Oleh itu, pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina perlu diperbaiki dalam kadar segera.

Selain itu, dapatan kajian ini menunjukkan persepsi murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap sederhana ( $M=2.88$ ,  $SP=0.91$ ). Ini bermakna persepsi murid Cina terhadap mata pelajaran bahasa Melayu masih boleh dipertingkatkan lagi. Hasil kajian menunjukkan item "Saya tidak akan gugurkan subjek bahasa Melayu jika dibenarkan oleh pihak sekolah." ( $M=4.25$ ,  $SP=0.68$ ). Berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji mendapati walaupun murid Cina kurang menguasai Bahasa Melayu dengan baik, mereka masih mempunyai kesedaran bahawa Bahasa Melayu adalah satu mata pelajaran yang wajib lulus untuk melanjutkan pelajaran.

Dapatan ini selaras dengan kajian Zamri Mahamod et.al (2016) menjelaskan murid Cina belajar Bahasa Melayu bukan untuk menguasai bahasa, tetapi mereka belajar Bahasa Melayu sekadar untuk memenuhi kelulusan pelajaran dan syarat masuk ke universiti tempatan. Penemuan kajian ini adalah bercanggah dengan kajian beliau. Kajian Woon Yoke Lan (2015) telah menunjukkan seramai 43.6% tidak setuju bahawa akan gugurkan subjek Pendidikan Seni Visual jika dibenarkan oleh pihak sekolah, 26.1% tidak pasti dan 30.3% setuju bahawa mereka

akan gugurkan subjek Pendidikan Seni Visual jika dibenarkan oleh pihak sekolah. Sebaliknya dalam kajian ini, hasil hanya menunjukkan 4% responden setuju, 7.7% responden tidak pasti dan 90.8% responden mengatakan mereka tidak setuju bahawa mereka akan gugurkan subjek bahasa Melayu. Perbezaan peratusan responden yang setuju dengan item ‘Saya akan gugurkan subjek kajian jika dibenarkan oleh pihak sekolah’ menunjukkan murid Cina masih mempunyai persepsi yang positif terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu walaupun mereka mempelajarinya sebagai bahasa kedua. Murid Cina tidak akan menggugurkan mata pelajaran Bahasa Melayu walaupun mereka belajar dalam persekitaran sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.

Item ‘Saya berusaha dengan gigih untuk mendapat pencapaian yang cemerlang dalam bahasa Melayu’ ( $M=3.94$ ,  $SP=0.75$ ) membuktikan bahawa murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina berusaha dengan gigih untuk mendapat pencapaian yang cemerlang dalam bahasa Melayu. Tetapi, pencapaian bahasa Melayu mereka kurang menggalakkan. Oleh itu, murid Cina sangat memerlukan bantuan daripada guru dan ibu bapa untuk mempelajari Bahasa Melayu (Zamri Mahamod et.al, 2016). Bagi membantu murid dalam mencapai keputusan yang cemerlang dalam bahasa Melayu, guru harus menyediakan bahan bantuan seperti kamus di bilik darjah supaya dapat membantu murid Cina dalam menulis perkataan bahasa Melayu kerana bukan semua perkataan dalam bahasa Melayu diketahui oleh murid Cina (Zamri Mahamod et.al, 2016). Selain itu, ibu bapa juga harus menyediakan kamus di rumah atau menghantar anak ke pusat tuisyen bagi membantu anak-anak Cina mengulang kaji pelajaran dan meningkatkan penguasaan bahasa Melayu. Strategi ini dapat meningkatkan pemahaman mereka dengan mengetahui lebih banyak perkataan bahasa Melayu.

Item “Saya suka menonton filem atau drama dalam bahasa Melayu.” ialah item yang terendah skor minnya ( $M=1.76$ ,  $SP=0.67$ ). Teori Persepsi Langsung (Gibson, 1966). Teori Persepsi Langsung (Gibson, 1966) menyatakan bahawa persepsi seseorang terbentuk daripada penerimaan maklumat secara langsung daripada persekitarannya. Persepsi responden kajian ini terbentuk daripada penerimaan ilmu mereka dalam persekitaran pembelajaran yang menggunakan bahasa ibunda dalam penyampaian ilmu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Oleh itu, persepsi murid Cina dalam kajian ini adalah berdasarkan tanggapan mereka terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dengan mempelajarinya sebagai bahasa kedua. Tanggapan murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu telah mempengaruhi minat mereka dalam pembacaan bahan bacaan Bahasa Melayu dalam kajian ini.

Hasil kajian ini telah juga menunjukkan persepsi murid Cina kurang positif apabila mereka tidak suka membaca buku-buku ilmiah, buku-buku cerita dan novel dalam Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana mereka mengatakan mereka tidak setuju dengan pernyataan ‘Saya suka membaca buku-buku ilmiah bahasa Melayu’ dan pernyataan ‘Saya suka membaca buku-buku cerita dan novel bahasa Melayu’ dengan mencatatkan sebanyak 223 (81.4%) orang responden murid dan 244 (89.1%) orang responden murid masing-masing daripada 274 orang responden murid yang tidak bersetuju dengan dua pernyataan ini. Maka di sini jelaslah bahawa tanggapan murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu telah mempengaruhi pemilihan bahan bacaan mereka.

Berdasarkan teori persepsi langsung juga, pengkaji dapat melihat persepsi murid Cina terhadap bahasa Melayu melalui item yang berbunyi ‘Saya suka belajar bahasa Melayu’ ( $M=1.87$ ,  $SP=0.87$ ). Hasil kajian ini menunjukkan terdapat 237 orang responden kajian iaitu 86.5% daripada jumlah responden kajian ini tidak setuju dengan pernyataan ini. Dengan ini, pengkaji merumuskan bahawa semua murid Cina tidak suka membaca atau menonton bahan elektronik atau bahan bukan elektronik dalam Bahasa Melayu. Hal ini disebabkan pengaruh daripada persekitaran belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang menggunakan bahasa ibunda untuk menyampaikan ilmu.

Oleh itu, persekitaran belajar ini telah membentuk persepsi murid Cina terhadap Bahasa Melayu dan mereka lebih cenderung dan selesa serta terbiasa dengan penggunaan bahasa ibunda mereka dalam kehidupan.

Di samping itu, dapatan kajian ini sikap murid Cina terhadap mata pelajaran bahasa Melayu berada pada tahap tinggi ( $M=3.64$ ,  $SP=0.92$ ). Ini bermakna sikap murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu adalah positif dan perlu dikekalkan. Hasil data dan dapatan kajian ini menunjukkan item 'Saya mendapati latihan Bahasa Melayu adalah sukar' ( $M=4.19$ ,  $SP=0.74$ ). Dengan data ini maka terbukti bahawa murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina mendapati latihan bahasa Melayu adalah sukar. Dapatan kajian ini disokong dalam kajian Zamri, Kamariah dan Wan Muna (2016) menunjukkan bahawa murid Cina mempunyai masalah dalam mempelajari bahasa Melayu. Hal ini berkemungkinan sukatan pembelajaran bahasa Melayu yang terlalu luas. Sukatan pembelajaran yang luas akan membawa kekeliruan kepada murid Cina yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Walau bagaimanapun, hasil kajian ini adalah bercanggahan dengan kajian Thang Siew Ming, Ting Siew Ling dan Nurjanah (2011) yang menunjukkan sikap yang kurang positif ( $M=2.44$ ,  $SP=0.85$ ) terhadap item ini berbanding hasil kajian ini kerana terdapat perbezaan subjek yang dikaji. Kajian Thang Siew Ming, Ting Siew Ling dan Nurjanah (2011) memilih subjek bahasa Inggeris, tetapi kajian pengkaji memilih bahasa Melayu. Maka, didapati sikap murid Cina terhadap bahasa Inggeris adalah kurang positif daripada Bahasa Melayu.

Sebaliknya, kajian Jerie dan Zamri (2021) dan Zamri dan Zarina (2001) adalah selaras dengan dapatan kajian ini. Penemuan ini selaras dengan penemuan Jerie dan Zamri (2021) yang menunjukkan bahawa sikap pelajar Iban ketika belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua adalah positif dan tinggi. Lebih-lebih lagi, kajian Zamri dan Zarina (2001) turut menyokong dapatan kajian ini yang menunjukkan murid Cina mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Roasharimah Zamri Ibrahim dan Mahamod (2017) meneliti sikap pelajar Cina terhadap bahasa Melayu di sekolah bandar. Pelajar berbangsa Cina menunjukkan sikap positif dan suka mengemukakan soalan kepada guru dan rakan. Pandangan mereka terhadap Bahasa Melayu adalah walaupun sukar untuk belajar Bahasa Melayu, ia tetapi subjek yang penting. Kajian Zaliza dan Zaitul Azma Zainon (2013) menunjukkan bahawa 78% orang mempunyai sikap positif untuk belajar Bahasa Melayu kerana pembelajaran Bahasa Melayu dapat membantu pelajar menyelesaikan kerja rumah mereka dalam Bahasa Melayu.

Seterusnya, item yang menunjukkan min yang rendah ialah item 'Saya lebih suka membaca bahan-bahan dalam bahasa lain berbanding bahasa Melayu.' Data ini menunjukkan murid Cina tidak suka membaca bahan-bahan dalam bahasa lain berbanding Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini diperkukuhkan dan senario dalam kajian Chew Fong Peng (2016) yang menunjukkan murid-murid Cina kurang membaca buku atau bahasa dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian dijelaskan dengan kebanyakan buku simpanan murid Cina di rumah adalah buku-buku Cina. Oleh itu, murid Cina akan cenderung dalam memilih bahan elektronik atau bahan bukan elektronik dalam Bahasa Cina berbanding dengan Bahasa Melayu.

Pernyataan berbunyi 'Saya meletakkan banyak usaha dalam pembelajaran bahasa Melayu' dan 'Saya pernah berfikir untuk memperbaiki bahasa Melayu' mencatatkan min yang tinggi menunjukkan ( $M=3.26$ ,  $M=4.00$ ) masing-masing. Sebanyak 122 orang murid Cina mengatakan mereka meletakkan banyak usaha dalam pembelajaran bahasa Melayu manakala 234 orang murid Cina mengatakan mereka pernah berfikir untuk memperbaiki Bahasa Melayu. Maka

jelaslah dengan mengaplikasikan teori tingkah laku terancang dalam kajian ini, murid Cina didapati akan lebih berusaha dalam memperbaiki Bahasa Melayu mereka.

Rumusnya, teori tingkah laku terancang (Ajzen,1991) menjelaskan individu mengetahui makna tindakan mereka sebelum mereka melakukan sesuatu tindakan. Murid Cina dalam kajian ini mengetahui dan mempunyai kesedaran terhadap kepentingan Bahasa Melayu kepada mereka. Oleh itu, mereka masih mempunyai sikap yang positif terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu. Hasil kajian ini menunjukkan murid Cina pernah berfikir untuk memperbaiki bahasa Melayu mereka dengan mencurahkan lebih banyak usaha dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Selain itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid dengan pencapaian Bahasa Melayu pada  $r= 0.148$ ,  $p<0.05$ , tetapi tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap murid dengan pencapaian Bahasa Melayu pada  $r= 0.106$ ,  $p>0.05$ . Penemuan kajian ini adalah bertentangan dengan kajian Tustiyana dan Yudhie (2020). Kajian mereka mendapati ada hubungan positif dan signifikan antara hubungan sikap murid dengan pencapaian pembelajaran. Penemuan ini yang bermaksud semakin tinggi tahap sikap pembelajaran murid, semakin tinggi pencapaian pembelajaran yang diperolehi murid dan sebaliknya semakin rendah sikap pembelajaran murid, semakin rendah pencapaian belajar.

Kajian Lilis Suryani (2019) turut menyangkal penemuan kajian ini. Kajian beliau telah menekankan sikap pembelajaran yang positif akan membawa kepada pencapaian yang lebih tinggi daripada sikap negatif. Dalam kajian beliau, beliau mendapati pelajar yang sikap pembelajarannya positif akan belajar dengan lebih aktif dan mereka akan mencapai keputusan yang lebih baik berbanding pelajar yang sikapnya negatif.

Akhir sekali, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu mengikut jantina pada  $t(272)=.40$ ,  $p > .05$ .. Dapatan juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara sikap terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu mengikut jantina pada  $t(272) = .682$ ,  $p > .05$ . Jelaslah bahawa tiada perbezaan antara tiga pembolehubah kajian ini, iaitu persepsi murid, sikap murid, dan pencapaian akademik mengikut jantina. Ini bermakna jantina murid tidak mempengaruhi persepsi dan sikap mereka terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

Tambahan pula, hasil kajian ini adalah selaras dengan kajian Mahad, Ugartini Magesvaran dan Intan Nur Syuhada Hamzah (2021) yang menjelaskan tidak terdapat perbezaan sikap murid sekolah rendah terhadap pembelajaran bahasa Melayu secara dalam talian mengikut jantina. Walau bagaimanapun, sikap positif murid perempuan adalah mendahului murid lelaki tetapi perbezaan mengikut jantina adalah tidak ketara. Selain itu, Syazwan Mohd Sanosi dan Zamri Mahamod (2021) juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina murid terhadap penggunaan Jejari Penanda Wacana (JPW) dalam menulis karangan Bahasa Melayu. Sebaliknya, kajian Nor Hashimah, Junaini dan Zaharani (2010) adalah bertentangan dengan penemuan kajian ini, iaitu terdapat perbezaan antara sikap murid dengan jantina murid. Kajian mereka juga menunjukkan tanggapan pelajar perempuan terhadap bahasa Melayu adalah lebih tinggi dibandingkan dengan pelajar lelaki dalam kajian mereka ini. Hasil kajian ini juga bercanggahan dengan kajian Chew Fong Peng dan Shashipriya Nadaraja (2014) yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelaksanaan KBKK dalam PdP KOMSAS mengikut jantina selepas menjalankan ujian- $t$  di mana nilai min pelajar perempuan ( $M=4.00$ ) adalah lebih tinggi daripada pelajar lelaki ( $M=3.85$ ).

## 6. Kesimpulan

Secara tuntasnya, kajian menunjukkan tahap pencapaian Bahasa Melayu berada pada tahap rendah. Walau bagaimanapun, persepsi murid terhadap Bahasa Melayu berada pada tahap sederhana dan sikap murid terhadap Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi. Analisis hubungan antara persepsi dan sikap murid Cina dalam pencapaian Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid dengan pencapaian Bahasa Melayu mereka. Hasil ujian-*t* menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara persepsi dan sikap murid terhadap Bahasa Melayu mengikut jantina.

Tanggapan yang tinggi dan tingkah laku yang positif dalam kalangan murid Cina terhadap Bahasa Melayu perlu terus ditanam agar murid Cina tetap percaya akan kepentingan Bahasa Melayu terutamanya diangkat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan yang memupuk perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia. Maka pengkaji mencadangkan agar persepsi dan sikap murid Cina terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dilihat serius agar pihak bertanggungjawab dapat menyemak semula kurikulum Bahasa Melayu serta kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, terutamanya di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

## Rujukan

- An, T. H., & Lai, T. T. (2021). Sikap Dan Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa Asing Di Universiti Teknikal. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 450-460.
- Azlina binti Mazlan, A., & bin Nik Abdullah, N. A. F. (2021). BBL-Phyeasycs Mengubah Persepsi dan Sikap Pelajar Terhadap Fizik. *Journal on Technical and Vocational Education*, 6(2), 1-9.
- Chew, F. P., & Nadaraja, S. (2016). Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran komsas di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 10-24.
- Chew, F. P., & Yusof, S. S. (2021). Pengetahuan, Sikap Dan Kesiapan Pelajar Terhadap Peta Pemikiran I-Think Dalam Pembelajaran Komsas Dalam Bahasa Melayu Di Sekolah Menengah (Knowledge, Attitude and Readiness of Students towards i-Think Map in Learning KOMSAS in Malay Language in Secondary Schools). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 15-25.
- Hamid, Z., Aman, R., & Harun, K. (2010). Sikap terhadap Bahasa Melayu: Satu kajian kes di pantai timur Semenanjung. *Jurnal Melayu*, 5, 163-176.
- Kaviza, M. (2019). Hubungan penerapan elemen kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah dalam kalangan murid. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(1), 30-38.
- Mahad, I., Magesvaran, U., & Hamzah, I. N. S. (2021). Sikap Dan Motivasi Murid Sekolah Rendah Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 16-28.
- Mahamod, Z., & Othman, Z. (2001). Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Dewan Bahasa*, 1(12), 40-43.
- Mahamod, Z. (2021). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 13-25.
- Ming, T. S., Ling, T. S., & Jaafar, N. M. (2011). Attitudes and motivation of Malaysian secondary students towards learning English as a second language: A case study. *3L: Language, Linguistics, Literature®*, 17(1), 40-54.



- Mohd Hazli, Yah@Alias and Maimun Aqsha, Lubis (2018) Tahap Penggunaan Strategi Bacaan dalam Aktiviti Kefahaman Bacaan Teks Bahasa Arab. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43 (3), 49-57.
- Noor, N. A. M., Mahamod, Z., Hamat, A., & Embi, M. A. (2016). Persepsi pelajar terhadap aplikasi perisian multimedia dalam pembelajaran komsas bahasa melayu tingkatan 1. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 1-16.
- Mulyaningsih, I. (2017). Sikap mahasiswa terhadap bahasa indonesia. *Indonesian Language Education and Literature*, 3(1), 79-87.
- Nursyaidah, N., & Siregar, F. R. (2019). Persepsi Dan Sikap Bahasa Mahasiswa Terhadap Pembelajaran Bahasa Indonesia. *Tazkir: Jurnal Penelitian Ilmu-ilmu Sosial dan Keislaman*, 5(2), 281-290.
- Razali, M. S. M., & Raop, N. A. (2019). Mengenalpasti Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Sarjana Muda Psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 3(1), 77-87.
- Salleh, S. Z., & Shaari, A. S. (2019). Pelaksanaan kemahiran berfikir, sikap pelajar dan masalah untuk mengaplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran pembelajaran Bahasa Melayu (Implementation of thinking skills, student attitudes and problems in application thinking skills Malay language teaching). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(2), 1-10.
- Sanosi, S. M., & Mahamod, Z. (2021). Keberkesanan Penggunaan Jejari Penanda Wacana (JPW) Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 102-110.
- Suryani, L. (2019). Hubungan Sikap Dengan Prestasi Belajar Yang Dicapai Oleh Mahasiswa Semester Iv Pada Mata Kuliah Asuhan Kebidanan II Di Akademi Kebidanan Muhammadiyah Madiun: Relationship Attitude To Learning Outcome Achieved by Semester IV Students In Midwife Care II At the Muhammadiyah Madiun Midwifery Academy. *Jurnal Ilmiah Kebidanan (Scientific Journal of Midwifery)*, 5(2), 9-16.
- Woon, Y. L. (2015). Perbandingan Tahap Minat, Persepsi Dan Tahap Pencapaian Akademik Di Antara Murid Melayu Dan Cina Tingkatan Empat Terhadap Pendidikan Seni Visual Di Zon Bangsar Kuala Lumpur/Woon Yoke Lan (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Zubir, M. U., Kamaruddin, R., & Sha'ri, S. N. (2019). Motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa melayu murid tingkatan satu (Junior one loyalty), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 82-91.
- Zuki, K. N. M., & Mohamad, W. M. R. W. (2017). Sikap dan Motivasi Murid Bajau dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua (Attitude and Motivation Students Bajau in Studying Malay Language as a Second Language). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 24-33.
- Zulkarnain, Z., Saim, M., & Abd Talib, R. (2012). Hubungan antara minat, sikap dengan pencapaian pelajar dalam kursus CC301–Quantity Measurement. *Politeknik Port Dickson*.
- Zulkifley, Rahim & Karim (2010). Sikap terhadap Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes di Pantai Timur Semenanjung. *Jurnal Melayu* (5) 2020:163-176.